



The Use of Microsoft Teams in Learning Arabic Language during Covid-19 Pandemic

NUR SHUHADAK BINTI ISMAIL

Akademi Pengajian Bahasa, Universiti Teknologi MARA Cawangan Sarawak, MALAYSIA.

Email: shuhadak@uitm.edu.my

Received: April 21, 2023
Accepted: May 07, 2023
Online Published: June 05, 2023

Abstract

The Covid-19 pandemic has gravely wounded the world and many sectors have been profoundly affected including Higher Education sector's. All institutions have been forced to close in response to the rapid spread of the virus. Education landscape also changed from face to face learning to online learning and it is a big challenge to many departments such as managements units and coordinator units. From the points, students and academicians need to prepare and adapt themselves with this new change. There are various platforms provided to implement the process of teaching and learning effectively. One of them is using Microsoft Teams as it is an interactive platform between lecturers and students in terms of many things. The theory used in this process of teaching and learning of Arabic language is Technology Acceptance Model (TAM).

Keywords: Microsoft Teams, Arabic Vocabulary, Online Learning, Technology Acceptance Model (TAM).

Penggunaan Microsoft Teams Dalam Pembelajaran Bahasa Arab ketika Pandemi Covid 19

Abstrak

Pandemik Covid-19 yang telah melanda dunia telah memberi implikasi kepada pelbagai sektor dalam sebuah negara, antara yang tidak terkecuali ialah sektor pengajian tinggi. Melihat kepada situasi ini, institut pengajian tinggi awam dan swasta diarahkan menutup premis masing-masing. Landskap Pendidikan berubah daripada pembelajaran secara bersemuka kepada pembelajaran atas talian di mana ia merupakan satu cabaran kepada pelbagai pihak seperti pihak pengurusan dan pihak pelaksana. Lantaran itu, mahasiswa dan ahli akademik perlu bersedia untuk menyesuaikan diri dengan perubahan baru dan drastik ini. Terdapat pelbagai platform yang tersedia untuk melaksanakan pengajaran dan pembelajaran dengan berkesan. Antaranya ialah melalui penggunaan Microsoft Teams, yang mana merupakan satu wasilah yang bersifat interaktif di antara dua pihak, iaitu pensyarah dan pelajar dari pelbagai aspek. Teori Model Penerimaan Teknologi (TAM) digunakan dalam melaksanakan proses pengajaran dan pembelajaran Bahasa Arab.

Kata kunci: Microsoft Teams, Kosa kata Bahasa Arab, Pembelajaran atas Talian, Model Penerimaan Teknologi (TAM), Covid-19.

1.0 Pengenalan

Penularan wabak Covid-19 telah menyebabkan sistem pendidikan mengalami perubahan yang ketara dalam melaksanakan proses pengajaran dan pembelajaran. Aktiviti pembelajaran secara bersemuka perlu diberhentikan bagi mengekang penyebaran Covid-19 dan digantikan dengan pembelajaran secara maya atau atas talian. Kesannya, staf akademik perlu memahirkan diri dengan ilmu teknologi untuk memastikan proses pemindahan ilmu dijalankan dengan efektif. Begitu juga dengan mahasiswa, mereka juga melalui satu pengalaman yang tidak pernah dilalui ketika fasa



persekolahan mereka, akan tetapi mereka perlu cuba mengadaptasi diri mereka dengan norma baharu ini agar tidak ketinggalan menimba ilmu. Di samping itu, pihak pengurusan juga turut memainkan peranan yang penting dengan menganjurkan beberapa siri webinar untuk membantu para pensyarah meningkatkan kemahiran komputer yang sedia ada kepada yang lebih komprehensif. Pembelajaran secara atas talian atau lebih dikenali sebagai '*online learning*' dilihat mendominasi di peringkat pengajian tinggi sejak penularan Covid-19. Dahulunya, penggunaan '*online learning*' dianggap sebagai salah satu sokongan dalam proses pengajaran dan pembelajaran kepada kaedah pengajaran tradisional. Namun kini, ia dianggap sebagai kaedah utama dalam memastikan proses pengajaran dan pembelajaran dilaksanakan dalam suasana terbaik bagi menghadapi ancaman wabak Covid-19 ini (Nor Zahidah, 2021).

Bahasa Arab merupakan salah satu subjek bahasa ketiga yang ditawarkan di seluruh Universiti Teknologi Mara (UiTM) di Malaysia dan ianya juga merupakan salah satu syarat sebelum bergraduasi. Dalam mempelajari apa jua bahasa, empat kemahiran Bahasa yang perlu ditekankan iaitu; i) Kemahiran membaca, ii) Kemahiran mendengar, iii) Kemahiran menulis dan iv) Kemahiran bertutur. Untuk mahir dalam keempat-empat kemahiran tersebut, pembelajaran kosa kata amat penting dan perlu dikuasai terlebih dahulu. Wallace menyatakan, pembelajaran kosa kata bahasa asing tidak semata-mata menghafal perkataan sahaja, namun ianya memerlukan keupayaan untuk mengenal, mengingat, menyebut dan menggunakannya dengan tepat dalam sesebuah struktur ayat (Setiawan, 2019). Satu kajian yang dilakukan oleh Norhana (2017) mengenai Bahasa Jepun, berpendapat bahawa memperkenalkan teknologi dalam pengajaran dan pembelajaran dapat menambah baik penguasaan kosa kata dalam kalangan pelajar. Berikutan situasi pandemik yang melanda negara, para pendidik perlu mengintegrasikan pengetahuan teknologi dalam pengajaran masing-masing supaya dapat mencapai hasil pembelajaran dengan lebih optimum.

Terdapat pelbagai platform yang disediakan kepada para pensyarah untuk melaksanakan pengajaran secara atas talian dan mewujudkan suasana pembelajaran yang interaktif dalam kalangan pelajar. Antara platform yang diguna pakai oleh ramai pensyarah ialah seperti Microsoft Teams, Google Meet, Google Classroom, Webex, Zoom, UFuture (UiTM) dan beberapa aplikasi mesej segera seperti Telegram dan WhatsApp.

2.0 Microsoft Teams

Microsoft Teams merupakan salah satu platform yang menawarkan mode pembelajaran secara maya dan kolaboratif di mana ianya disediakan oleh syarikat Microsoft Office. Selain itu, Microsoft Teams mempunyai banyak ciri-ciri yang dapat memudahkan para pensyarah dan pelajar dalam menjayakan pembelajaran secara atas talian. Microsoft Teams dapat dipasang dengan mudah di dalam komputer atau telefon pintar. Sekali gus menjadikan ia mudah diakses di mana-mana dan pada bila-bila masa saja. Melalui Microsoft Teams, pensyarah dapat berkongsi nota dan memberi tugas kepada pelajar. Lebih menarik, pensyarah dapat menetapkan rubrik pemarkahan tugas dalam Microsoft Teams dan mempunyai maklumat tentang pelajar yang telah menghantar tugas tersebut tepat pada masa yang ditetapkan atau lewat menghantar tugas seperti Rajah 1 di bawah.



Rajah 1: Tangkap layar serahan tugas pelajar

Tambahan pula, selepas selesai dari sesi pembelajaran atas talian, Microsoft Teams akan memberi laporan kehadiran kepada pensyarah dan pautan rakaman kepada semua pelajar. Hal ini memudahkan pelajar untuk melakukan ulangkaji




pelajaran tanpa terikat pada masa dan tempat. Antara keunikan lain bagi aplikasi ini ialah, semasa memberi syarahan kepada pelajar, pensyarah dapat memilih mode ‘*presenter*’ yang mana gambar pensyarah akan terpapar pada skrin pelajar seperti Rajah 2 di bawah.




Rajah 2: Tangkap layar mode ‘*presenter*’

Terdapat juga ciri keterkaitan (*connectedness*) yang menarik seperti mode ‘*together*’ seolah-olah semua pelajar berada di dalam satu kelas yang sama walaupun hakikatnya semua berada di lokasi masing-masing seperti Rajah 3 di bawah.




Rajah 3: Tangkap layar mode ‘*together*’

Antara kelebihan lain menggunakan platform ini ialah terdapatnya ciri ‘*breakout rooms*’ yang siap sedia digunakan oleh pensyarah untuk mencipta suasana pembelajaran kolaboratif. Sebagai contoh, pensyarah dapat melakukan aktiviti berkumpulan dengan membahagikan para pelajar ke dalam kumpulan kecil. Hal ini memudahkan para pelajar berdiskusi sesama sendiri dan menjana idea-idea yang bernas secara langsung. Malah, pensyarah sendiri dapat memantau perkembangan aktiviti pelajar dalam kumpulan-kumpulan tersebut dengan menyertai mereka dan dapat berinteraksi secara terus dengan mereka. Gambar Rajah 4 di bawah menunjukkan fungsi ‘*breakout rooms*’.



Rajah 4: Tangkap layar 'breakout rooms'

Dalam melaksanakan pengajaran dan pembelajaran secara maya ketika pandemik Covid-19, satu perkara penting yang perlu diambil perhatian oleh pensyarah ialah tentang kesihatan emosi para pelajar. Melalui Microsoft Teams, terdapat satu ciri yang menarik iaitu '*reflect*' di mana pensyarah boleh melakukan survei ringkas mengenai kesihatan emosi para pelajar sebelum memulakan kelas. Di dalam kelas bahasa, para pelajar akan mempunyai pelbagai emosi dan perasaan. Dengan itu, menguruskan emosi adalah penting untuk memastikan kualiti pembelajaran akademik dan juga kualiti kehidupan (Philippe Gay, 2022). Gambar Rajah 5 di bawah menunjukkan tentang ciri '*reflect*'.



Rajah 5: Tangkap layar '*reflect*'

Secara ringkasnya, para pensyarah boleh menggunakan ciri-ciri yang terdapat di dalam Microsoft Teams seperti menghantar pautan kelas, berkongsi nota, merakam sesi kelas, melakukan aktiviti berkumpulan, menyemak tugasan dan sebagainya.

3.0 Model Penerimaan Teknologi (Tam)

Model yang digunakan dalam pembelajaran Bahasa Arab ini ialah TAM. Menurut Louho et al. (2006) penerimaan teknologi ialah mengenai bagaimana manusia menerima teknologi dan mengaplikasikan teknologi tersebut dalam kehidupan harian mereka. Davis (1989) menjelaskan TAM terdiri daripada dua unsur utama, iaitu tanggapan kebergunaan dan tanggapan kemudahan. Tanggapan kebergunaan merujuk kepada pengguna percaya dengan menggunakan suatu teknologi, dapat meningkatkan prestasi kerjanya. Manakala tanggapan kemudahan pula



merujuk kepada suatu teknologi itu mudah digunakan dan tidak mempunyai sebarang masalah. Tanggapan kebergunaan dan tanggapan kemudahgunaan merujuk kepada penggunaan Microsoft Teams dalam pembelajaran Bahasa Arab secara atas talian.

4.0 Pembelajaran Kosa Kata Bahasa Arab Melalui Microsoft Teams

Untuk menguasai kosa kata Bahasa Arab dengan baik, pelajar perlu memperbanyakkan membaca teks Arab dan mendengar audio seperti lagu dan video pendek dalam Bahasa Arab. Di dalam buku teks Bahasa Arab UiTM, setiap bab akan dimulakan dengan kosa kata bergambar, dialog dan seterusnya beberapa petikan pendek. Sebelum memulakan kelas, pensyarah akan menggunakan ciri '*reflect*' yang terdapat dalam Microsoft Teams untuk mengetahui keadaan emosi para pelajar terlebih dahulu. Selepas itu, pensyarah akan menggunakan ciri '*share*' untuk berkongsi skrin dan membaca setiap perkataan arab pada buku teks. Selesai membaca, pensyarah akan meminta pelajar untuk menyebut kembali perkataan tersebut dengan sebutan dan makhraj yang betul. Setelah itu, pensyarah akan menggunakan ciri '*breakout rooms*' untuk membahagikan pelajar kepada beberapa kumpulan kecil dan diberi tugas terjemahan untuk setiap dialog dan petikan dalam masa yang ditetapkan.

Semasa sesi perbincangan sedang berlaku, pensyarah akan menyertai satu kumpulan ke satu kumpulan untuk membantu sekiranya terdapat perkara yang tidak difahami. Apabila tamat masa yang diberikan, pensyarah akan menutup '*breakout rooms*' dan meminta wakil dari setiap kumpulan untuk membentangkan hasil terjemahan kumpulan masing-masing. Sebelum bermulanya sesi pembentangan, pensyarah mengingatkan pelajar untuk menggunakan pelbagai '*reactions*' yang disediakan dalam Microsoft Teams seperti '*raise hand, love, like, applause, laugh, suprised*' untuk mewujudkan pembelajaran yang interaktif.

Selepas tamat sesi pembentangan, pensyarah akan melaksanakan permainan atas talian seperti Kahoot! Quizziz, Wordwall dan sebagainya untuk menguji tahap kefahaman pelajar terhadap kosa kata yang dipelajari dan meningkatkan keterlibatan pelajar dalam kelas secara maya ini. Bagi pelajar yang mempunyai masalah internet dan ingin membuat ulangkaji, mereka boleh melihat semula rakaman kelas yang terdapat di folder Recordings dalam Microsoft Teams pada bila-bila masa dan di mana-mana saja. Sebelum kelas ditamatkan, pensyarah akan menggunakan sekali lagi ciri '*reflect*' untuk mengetahui maklum balas pelajar tentang pelajaran yang dipelajari pada hari tersebut. Dengan kata lain, ciri-ciri yang terdapat pada Microsoft Teams amat membantu pensyarah dalam proses pembelajaran dan pengajaran kosa kata Bahasa Arab di samping dapat mencipta satu pengalaman pembelajaran yang bermakna kepada pelajar.

5.0 Kesimpulan

Microsoft Teams merupakan antara salah satu platform yang terbaik untuk tujuan pengajaran dan pembelajaran pada masa kini, terutama apabila dunia dilanda wabak Covid-19. Menerusi Microsoft Teams, pembelajaran kolaboratif dan interaktif dapat dilaksanakan sejajar dengan kehendak Kerangka Pendidikan Malaysia 2.0. Tambahan pula, pelajar dituntut untuk celik kepada teknologi selari dengan perkembangan teknologi dunia semasa. Sementara itu, para pendidik juga perlu meningkatkan kaedah pengajaran dengan membiasakan diri menggunakan teknologi dan keluar dari kebiasaan dengan kaedah pengajaran konvensional.

Rujukan

- Ahmad, N.Z., Ismail, N.S., Mohd, K.N. (2021). Penerimaan dan Kesediaan Pembelajaran Dalam Talian Dalam Kalangan Mahasiswa Baharu Kuipsas Pada Musim Pandemik Covid-19. *Borneo Akademika*. Vol 5(2) 20-32.
- Davis, F. D. (1989). Perceived usefulness, perceived ease of use, and user acceptance of information technology. *MIS Quarterly*, 13(3), 319-340. <https://doi.org/10.2307/249008>
- Gay, P., Pogranova, S., Mauroux, L., Trisconi, E., Rankin, E., & Shankland, R. (2022). Developing Students' Emotional Competencies in English Language Classes: Reciprocal Benefits and Practical Implications. *International Journal of Environmental Research and Public Health*, 19(11), 6469. MDPI AG. Retrieved from <http://dx.doi.org/10.3390/ijerph19116469>.
- Md Salleh, N. G., Ghazali, K., Haji Moh Nor, M. (2017). Penceritaan Digital dalam Pemerolehan Leksikal Bahasa Jepun. *Gema Online Journal of Language Studies*. 17(1), 55-75
- R. Louho, M. Kallioja and P. Oittinen. (2006) "Factors affecting the use of Hybrid media applications" *Graphic arts in Finland*, vol.35, no.3, pp.11-21.
- Setiawan, C. (2019). Improving Students' Vocabulary Mastery Through Listening Song.PROJECT (Professional Journal of English Education), 2(3), 392. <https://doi.org/10.22460/project.v2i3.p392-397>